

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
(LEDANG)**

TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perkembangan dan perancangan Kerajaan dalam memastikan industri logistik Malaysia bagi pasaran antarabangsa dan tempatan mencapai keupayaan strategik di masa hadapan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Pengangkutan mempunyai dua polisi utama dalam merancang pembangunan industri logistik di Malaysia. Kesemua perancangan ini telah diperincikan dalam Pelan Induk Logistik dan Fasilitasi Perdagangan dan Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030 (DPN).

Pelan Induk Logistik dan Fasilitasi Perdagangan memberi penumpuan kepada pembangunan rangkaian logistik bersepadu, yang mengambil kira hubungan antara pelbagai mod pengangkutan dalam menjamin pergerakan barang yang cekap dan lancar dengan visi menjadikan Malaysia sebagai *The Preferred Logistik Gateway to Asia*. Pelan induk ini mempunyai 21 *action items* yang mengetengahkan isu *structural* dengan tumpuan kepada

SOALAN NO : 47

memudah cara pergerakan kargo negara. Sementara itu Dasar Pengangkutan Negara pula memberi tumpuan kepada menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia menerusi pembangunan dalam sektor pengangkutan yang mampan.

Dasar Pengangkutan Negara pula antara lain akan memberikan tumpuan dalam meningkatkan *model-shift* ke rel bagi pengangkutan barangan. Tumpuan khusus diberikan untuk memoden dan mengintegrasikan sektor logistik bagi mengurangkan kos menjalankan perniagaan. Dalam memastikan pergerakan barangan yang lancar, perancangan khusus berhubung keperluan infrastruktur serta jaringan perhubungan pengangkutan yang lebih komprehensif juga menjadi fokus Dasar Pengangkutan Negara. Ini termasuk keperluan infrastruktur bagi menyokong sektor e-dagang yang menjadi salah satu cabang sumber ekonomi baru negara.

Dasar Pengangkutan Negara seiring dengan Pelan Induk Logistik dan Fasilitasi Perdagangan telah menyediakan rangka kerja bersepadu untuk memastikan industri logistik berkembang dengan baik dan mempunyai keupayaan strategik untuk bersaing diperingkat antarabangsa sekaligus meletakkan Malaysia sebagai salah satu peneraju logistik serantau.